

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 OGOS 2023
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 26

Pemulihan, pembangunan PMKS dijangka terus kukuh

Berita Momentum pemulihan dan pembangunan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dijangka terus kukuh pada 2023 melebihi pencapaian yang direkodkan pada tahun lepas, kata Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Datuk Ewon Benedict.

Beliau berkata, sebuah laporan akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri dalam masa terdekat berhubung tinjauan Indeks Sentimen PKS yang dijalankan oleh SME Bank bagi menilai keupayaan sektor itu sepanjang tahun ini.

"Kita amat yakin bahawa

Pemulihan, pembangunan PMKS dijangka terus kukuh

pencapaian PMKS pada 2023 akan lebih baik daripada 2022 seperti mana yang sudah dibentangkan, yang juga jauh lebih baik daripada 2021.

"Kita akan maklumkan (hasil perbincangan) selepas saya bentang kertas kabinet mengenai Indeks Sentimen PKS nanti," katanya pada sidang media mengenai prestasi PMKS.

Pada 27 Julai lalu, Jabatan Perangkaan Malaysia

(DOSM) mengumumkan bahawa PMKS Malaysia mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 11.6 peratus pada 2022 mengatasi pertumbuhan KDNK negara pada 8.7 peratus.

Sumbangan PMKS kepada KDNK pada 2022 juga meningkat kepada 38.4 peratus berbanding 37.4 peratus pada 2021 manakala nilai tambah berjumlah RM580.4 bilion, menanda-

kan peningkatan yang ketara daripada RM520 bilion pada tahun sebelumnya.

Menurut Ewon, kementerian terus komited memperkasakan PMKS supaya kekal berdaya saing bagi membolehkan mereka menembusi pasaran lebih luas di peringkat antarabangsa, seiring dengan Kerangka Ekonomi Malaysia Madani.

Katanya, antara strategi dan inisiatif melibatkan PMKS ialah pengantara-

bangsaan PMKS tempatan, menarik lebih ramai pelabur, menambah geran padanan digitalisasi sebanyak RM100 juta serta peruntukan RM400 juta untuk pinjaman mikro.

"Dalam usaha merangsang pertumbuhan PMKS, kementerian melalui agensi-siny, SME Corp terus, memperkuuh pelaksanaan program pembangunan PMKS secara bersasar.

"Setakat ini, terdapat 225 program pembangunan PMKS yang giat dilaksanakan 12 kementerian, 56 agensi dan tujuh kerajaan negeri dengan peruntukan RM10.6 bilion," katanya.